



PASANGAN kembar, Mohd Rafif Mifta, 11, bersama Mohd Gavin Mifta, 11, menerima vaksin dos pertama di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL), Kuala Lumpur, semalam. - Gambar NSTP/AIZUDDIN SAAD

# 'SENJATA' BAHARU LAWAN COVID-19

*KKM bakal gunakan ubat anti-viral rawat pesakit berisiko tinggi*

Oleh Hafidzul Hilmi  
Mohd Noor

hafidzul@hmetro.com.my

## Petaling Jaya

**P**esakit Covid-19 yang berisiko tinggi akan dirawat menggunakan ubat-ubatan anti-viral mulai bulan ini, kata Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin Abu Bakar.

Beliau berkata, 110,000 pesakit akan menjadi kelompok yang pertama dirawat dengan menggunakan ubat anti-viral keluaran Pfizer yang akan diterima oleh Kementerian Kesih-

tan Malaysia (KKM) pada bulan ini.

"Ubat anti-viral yang diperolehi itu akan mula diberikan kepada pesakit bagi merawat dan melindungi mereka daripada pandemik sebaik ia diterima.

"Kita kini mempunyai lebih banyak 'senjata' yang akan digunakan dalam melawan Covid-19," katanya ditemui selepas melancarkan Persidangan Tahunan Dialisis di sini, semalam.

Hadir sama, Pengerusi Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan (NKF) Datuk Dr Zaki Morad.

Khairy Jamaluddin berka-



KHAIRY

ta, jika penggunaan ubat anti-viral berkesan, KKM akan menambah pembelian ubat berkenaan.

"Ada dua lagi yang kita akan beli iaitu Molnupiravir dan Astra Zanecca namun itu masih belum dimuktamadkan," katanya.

Sementara itu, mengulas berhubung pembukaan semula sempadan negara, Khairy Jamaluddin berkata, ia akan diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob minggu hadapan.

"Ia bertujuan untuk memberi masa kepada sektor yang terlibat seperti Jabatan Imigresen Malaysia, syarikat penerbangan, perhotelan dan sebagainya," katanya.